

# Negara Selatan digesa tadbir ekonomi bersama

U.M. - 9 JUN 1993

KUALA LUMPUR 8 Jun — Dato' Sri Dr. Mahathir

Mohamad hari ini menggesa negara-negara selatan bersama-sama menadbir ekonomi, membiayai projek, menggembleng sumber manusia dan pengetahuan teknologi secara efektif dalam usaha 'mengeluarkan diri' mereka daripada pergantungan kepada kuasa ekonomi negara Utara.

Kata Perdana Menteri, hubungan yang semacam ini boleh diwujudkan di kalangan ahli-ahli negara Kumpulan 15 (G-15) untuk mengarahkan masa depan dan tujuan secara bersama.

G-15 merupakan kerjasama Selatan-Selatan yang lahir daripada gagasan Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) di mana falsafah dan perjuangannya ialah untuk bertemu setiap tahun dan berbincang mengenai cara bagaimana negara-negara dunia ketiga dan sedang membangun dapat memperbaiki taraf hidup mereka melalui

kerjasama politik dan ekonomi.

Berucap merasmikan mesyuarat kumpulan pakar bagi pertukaran maklumat mengenai dasar-dasar ekonomi negara kumpulan itu, di sini hari ini, beliau menambah, masanya agak sesuai sekarang bagi negara-negara Selatan mengubah penumpuan mereka daripada bergantung dengan negara di sebelah Utara yang lebih maju.

Dr. Mahathir menjelaskan, Selatan perlu melihat pada diri sendiri secara lebih kreatif serta mempunyai potensi untuk mempercepatkan pembangunan dan pertumbuhan.

Perdana Menteri menambah, jumlah penduduk di kalangan anggota-anggota G-15 sahaja merangkumi peluang pasaran bagi sebanyak 1.6 bilion pengguna.

Katanya, walaupun banyak jenis keluaran yang sama dikeluarkan oleh negara-negara itu dan menjadi saingan antara

satu sama lain, tetapi banyak juga keluaran lain yang boleh didagangkan di antara mereka.

Dalam pada itu, beliau juga menegaskan, ekonomi di negara-negara Utara seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun sendiri mengalami keadaan yang tidak menentu.

Sebaliknya, beliau memberi contoh bagaimana ekonomi Asia Timur dan Asia Tenggara sekarang mencatatkan rekod kadar pertumbuhan yang cemerlang dan menjadi rantau yang paling dinamik di dunia.

Dalam hubungan kerjasama Selatan-Selatan itu, katanya, Malaysia telah bersedia berkongsi pengetahuan dalam beberapa bidang yang berjaya dilaluinya di negara ini.

"Kita telah berjaya memperoleh banyak pengetahuan dalam melaksanakan polisi penswastan, yang mana ia boleh dikongsi bersama dengan negara-negara Selatan yang lain," jelas beliau.